

10 MAR 2003

TIMOR LESTE-LABUR/I

DATANG DAN LABURLAH DI TIMOR LESTE, KATA PRESIDEN GUSMAO

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Negara baru merdeka Timor Leste mempelawa peniaga-peniaga Malaysia melabur di negara yang kaya dengan sumber itu dan pembuatan bagi eksport adalah salah satu daripada bidang-bidang berpotensi.

Presiden Timor Leste Xanana Gusmao berkata rakyat Malaysia dialu-alukan untuk melabur di bidang-bidang lain seperti pelancongan, perikanan dan pertanian.

Melabur di negaranya akan membolehkan pengujudan lebih banyak pekerjaan bagi rakyatnya, sesuatu yang amat diperlukan sekarang, katanya.

"Ia adalah satu kedudukan sama-sama menang... di satu pihak anda membantu memberikan perkerjaan dan di pihak lain boleh mendapat manfaat dengan mengeksport barangan anda," beliau berkata dalam satu temubual dengan Bernama di sini baru-baru ini.

Gusmao, yang berada di sini untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) yang ke-13, berkata para pelabur dari negara-negara seperti China, Korea Selatan, India, Indonesia dan Thailand telah menunjukkan minat untuk melabur di negaranya, dahulunya dikenali sebagai Timor Timur, yang memperolehi kemerdekaan pada 20 Mei, 2002.

Menjawab satu pertanyaan, Gusmao berkata sungguhpun negara itu belum mengujudan undang-undang pelaburannya sendiri, ia bukanlah satu masalah kerana kerajaan "agak fleksibel" mengenai perkara itu.

"Kita boleh bincang... kami bersedia menerima dan mengubah suai," katanya.

Telahpun ada 90 peniaga Malaysia di Timor Leste yang terbabit dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti perundingan dan perakaunan, hotel dan restoran, dan perdagangan dan perdagangan am.

Ogos lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa jamuan makan malam yang diadakan untuk meraikan Perdana Menteri Timor Leste yang sedang melakukan lawatan ke sini Dr Mari Bim Amude Alkatiri berkata bahawa Malaysia akan terus menggalakkan sektor swastanya pergi ke negara itu dan menerokai peluang-peluang bagi faedah bersama seperti dalam carigali petroleum dan gas, pembangunan infrastruktur, perbankan dan insurans dan pertanian.

Dengan kawasan berjumlah 15,007 km persegi, Timor Leste mempunyai penduduk lebih daripada 950,000 orang. Ibu negara dan bandar terbesarnya ialah Dili, dengan kira-kira 65,000 penduduk.

Ekonomi Timor Leste terutamanya berasaskan perikanan dan perkebunan. Sumber-sumber aslinya termasuk minyak dan gas luar pantai.

Gusmao berkata Timor Leste juga sedang mendapatkan bantuan Malaysia untuk merangka dasar-dasar ekonominya kerana Malaysia mempunyai pengalaman luas dan mempunyai rekod kerjayaan yang terbukti mengenai perkara itu.

Beliau juga berkata Timor Leste, yang mempunyai pasaran kecil bagi keluaran-keluarannya, boleh digunakan oleh para pelabur Malaysia sebagai pangkalan bagi mengeluarkan barangan dan mengeksportnya ke negara-negara lain.

Gusmao menjelaskan bahawa salah satu aset terbesar di negaranya adalah tenaga kerjanya yang agak muda, yang disifatkannya sebagai "mudah diajar dan sanggup belajar dan berminat bekerja." Separuh daripada penduduk Timor Lestes terdiri daripada remaja dan 15 peratus adalah berusia di antara 20 dan 35 tahun.

"Rakyat kami amat berdikari. Mereka mudah memahami dan amat bertolak

ansur. Mereka adalah rakyat yang boleh digembleng untuk melakukan perkara-perkara yang besar," katanya.

Ditanya mengenai beberapa demonstrasi baru-baru ini di negaranya, Gusmao berkata mereka adalah digunakan oleh sekumpulan kecil orang yang mengambilnya terutamanya kerana kekurangan peluang pekerjaan.

"Mereka bukanlah ancaman kepada kestabilan (negara kami) keseluruhannya," katanya.

Gusmao berkata negaranya perlukan lebih banyak bantuan daripada masyarakat antarabangsa daripada segi pelaburan yang akan diterjemah menjadi lebih banyak pekerjaan untuk rakyatnya.

Katanya kerajaannya telah meletakkan kepentingan kepada pendidikan, kesihatan awam dan pertanian.

Beliau menyatakan puas hati terhadap bantuan daripada Malaysia setakat ini dan yakin bahawa Timor Leste akan terus menerima bantuan daripada rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang.

Sebagai contoh, katanya perbincangan telah diadakan dengan Petronas mengenai kemungkinan mengadakan latihan dalam bidang petrokimia untuk rakyat Timor Leste. -- BERNAMA

RV SHY OS